

15 JAN 2003

Ali-Islam

MELAKA SUDAH SERAGAMAKAN SEBAHAGIAN PERUNDANGAN ISLAM

MELAKA, 15 Jan (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Seri Mohamed Ali Rustam berkata sebahagian daripada perundangan Islam di Melaka telah diseragamkan dengan beberapa negeri lain.

Beliau berkata kebanyakan undang-undang Islam itu, yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri (DUN), sudahpun diguna pakai dan dilaksanakan dalam pentadbiran kerajaan negeri.

"Pada persidangan DUN baru-baru ini pun, ada enakmen yang telah diluluskan dan akan diwartakan untuk diguna pakai. Semua enakmen yang telah diseragamkan itu akan disiarkan dalam akhbar kerajaan negeri 'Melaka Minggu Ini' pada minggu depan untuk pengetahuan umum," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di Seri Negeri, hari ini.

Menurutnya kerajaan negeri sedang berusaha untuk mengemas kini perundangan Islam yang belum diseragamkan untuk memastikan ia dapat dilaksanakan keseluruhannya tidak lama lagi.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta kerajaan-kerajaan negeriewartakan segera undang-undang keluarga Islam ke arah menyelesaikan dakwaan berlakunya ketidakseragaman perundangan Islam termasuk berhubung poligami.

Dalam perkembangan lain, Ketua Menteri berkata Melaka akan melobi untuk menjadi tuan rumah kepada persidangan Persatuan Pelancongan Asia Pasifik (PATA) pada tahun hadapan.

Mohamed Ali berkata Melaka mempunyai banyak hotel yang boleh dijadikan sebagai pusat persidangan itu serta mempunyai bilik yang cukup untuk menempatkan delegasi.

"Kerajaan negeri juga boleh memberikan sumbangan untuk membiayai sedikit kos penganjuran kepada persidangan itu. Yang penting ia diadakan di Melaka untuk tujuan promosi pelancongan negeri," katanya.

Beliau berkata kerajaan negeri menunda penganjuran Pameran Pelancongan Antarabangsa Melaka pada April ini kepada 26-29 Jun kerana ruang pameran di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) dijangka siap pada Mei depan.

"Bagaimanapun pameran lain tidak terjejas kerana ia dijadual pada Ogos depan," katanya.

Mohamed Ali berkata persimpangan lampu isyarat di hadapan Masjid Al Azim akan ditutup mulai Ahad ini kerana kerja-kerja pembinaan jalan jejantas bertingkat di situ selama enam bulan.

"Pemandu diminta menggunakan lampu isyarat di Bukit Baru dan Taman Cempaka untuk membuat pusingan 'U' menuju ke destinasi masing-masing. Penutupan ini adalah untuk projek pembesaran jalan dari Simpang Empat di Alor Gajah ke Muar yang sedang dalam pembinaan," katanya.

Beliau berkata proses pengambilan tanah bagi projek pembesaran jalan itu bernilai RM500 juta dengan sejauh 70 kilometer telah diselesaikan oleh Pejabat Tanah melalui Unit Pengambilan Tanah dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

"Bagaimanapun, saya meminta Jabatan Penilaian supaya menilai kawasan-kawasan yang masih belum diselesaikan prosesnya agar pampasan boleh diberikan dan projek dapat diteruskan terutama yang melibatkan kawasan untuk pembinaan jalan jejantas di Cheng, Semabok dan Lorong Pandan," katanya.

Ketua Menteri juga berkata projek penambakan laut di kawasan pantai di Melaka adalah untuk memastikan pelaksanaan projek pembangunan termasuk membina jalan pantai bagi mengelak kesesakan.

"Kita harap orang ramai tidak terpengaruh dengan dakwaan pembangkang

mengenai projek itu kerana pembinaan jalan pantai adalah untuk menyuraikan kesesakan berlaku di kawasan pusat bandar terutama apabila Melaka menerima kedatangan pelancongan yang ramai pada masa depan," katanya.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-Lapan (RMK8), kerajaan Pusat bersetuju untuk meneruskan projek pembinaan jalan pantai di Melaka dari pusat bandar ke Kuala Linggi yang bersempadan dengan Linggi, Negeri Sembilan. Projek itu turut melibatkan penambakan kawasan laut di beberapa kawasan seperti Limbungan, Klebang dan Tengkeru.

-- BERNAMA

SBS NAK